

# Tanggung gugur keahlian: Yugoslavia: Dr.M tak puas hati putusan mesyuarat Menteri Luar

U.M. 2 SEP 1992

JAKARTA 1 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak berpuas hati sepenuhnya terhadap keputusan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar NAM yang menanggukkan keputusan untuk menggugurkan keahlian Yugoslavia dalam pergerakan itu sehingga mesyuarat mereka di New York akhir bulan ini.

Perdana Menteri menegaskan, beliau berpendapat NAM sepatutnya membuat keputusan tersebut di Jakarta, bukan di tempat lain.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, oleh kerana terdapat negara-negara NAM yang mahu konsensus seumpamanya itu disepakati maka Malaysia terpaksa mematuhi.

Bercakap kepada para pem-

berita di sini lewat petang ini, beliau berkata, keputusan NAM mengenai Yugoslavia itu adalah satu kompromi antara negara-negara ahli pergerakan berkecuali itu.

Perdana Menteri yang terpaksa berdepan dengan lebih 50 orang wartawan yang mengerumuninya berkata: "Kami memang mahu status Yugoslavia diputuskan di sini...tetapi kita terpaksa mematuhi konsensus."

Pada Sidang Kemuncak NAM Ke-10 yang bermula hari ini, Dr. Mahathir diberi tumpuan oleh para wartawan dan peserta sidang kerana ucapannya yang tegas terutama yang berkaitan dengan dominasi negara-negara Barat dalam pelbagai aspek kehidupan pendu-

duk negara-negara sedang membangun.

Selepas keluar dari dewan sidang, seorang wartawan Perbadanan Penyiaran British (BBC) menyoal Dr. Mahathir: "Ucapan anda terlalu radikal?"

Beliau menjawab: "Barat selalu mengatakan semua yang dilaungkan oleh negara-negara sedang membangun radikal dan kritikal...kemudian mereka fikir kami melakukan sesuatu yang salah."

Dr. Mahathir menegaskan bahawa sistem antarabangsa termasuk struktur Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu diubah kerana sistem unipolar dalam hubungan antarabangsa sekarang mempunyai terlalu banyak bahaya. — *Utusan.*